

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ Kangar ]**

**TARIKH : 18.11.2014 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 29**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapakah RTC (Pusat Transformasi Luar Bandar) RTC tidak dapat dilaksanakan di Perlis sedangkan ianya telah dibentangkan dalam bajet yang lalu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan ucapan bajet yang lepas, RTC akan dilaksanakan di beberapa negeri iaitu negeri Perak, Kelantan, Kedah, Johor, Sabah, Sarawak, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan. Perkhidmatan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC ini akan berlaku di RTC serta menjangkau sehingga 100km radius daripada pusat RTC. Memandangkan RTC Kedah telah ditubuhkan di Napoh, Jitra, perkhidmatan dan aktiviti inisiatif RTC Kedah boleh dimanfaatkan oleh komuniti sekitar 100km radius yang turut merangkumi penduduk di dalam Negeri Perlis. Oleh itu, Kerajaan berpandangan bahawa keperluan menubuhkan RTC Perlis masih belum dapat dipertimbangkan pada masa ini.